

Pasang Surut Hubungan Turki-Israel: Kajian terhadap Hubungan Dua Hala pada Era Erdoğan

Fluctuation of Turkey-Israel Relations: A Study on Bilateral Relations during Erdoğan Era

Muhammad Khalis Ibrahim, Mohd Roslan Mohd Nor*

*Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603
Kuala Lumpur, Malaysia*

**Corresponding author: m_roslan@um.edu.my*

Article history

Received: 2018-06-04 Received in revised form: 2018-08-26 Accepted: 2018-12-01 Published online: 2019-02-28

Abstract

Turkey-Israel relations were established after the Second World War. However, the relations were fluctuating during Erdoğan era. This study focuses on Turkey-Israel bilateral relations during Erdoğan era by scrutinize on the fluctuation and factors that influence it. This study was conducted based on documentation method through content analysis and comparative analysis. During Erdoğan era, Strategic Depth doctrine became a basic principle for Turkey's foreign policy. Changes of foreign policy from national security-based to more regional-based affected Turkey-Israel relations. At first, the relations were going well in trade, military, resources and diplomacy. However, some of Israel's violation towards universal values such as military operations in Gaza led its relations with Turkey to become tense. The peak of crisis reached as Israeli forces attacked Turkish Mavi Marmara ship which carrying humanitarian missions to Gaza. This study found that the fluctuation of Turkey-Israel relations was influenced by Turkey's and Israel's domestics as well as regional factors, where regional factors played a major role in the pattern of the relations. Although Turkey-Israel relations have been restored through a peace treaty in 2016, crisis of relations may reoccur based on current developments. Turkey-Israel bilateral relations will continue to fluctuate along with future developments.

Keywords: Turkey, Israel, bilateral relations, strategic depth.

Abstrak

Hubungan Turki-Israel telah terjalin sejak era Perang Dingin. Namun, hubungan tersebut mengalami pasang surut pada era Erdoğan. Kajian ini memfokuskan hubungan dua hala Turki-Israel pada era Erdoğan dengan meneliti pasang surut hubungan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini dijalankan berasaskan metode dokumentasi dengan menjalankan analisis kandungan serta analisis komparatif terhadap data-data yang diperoleh. Pada era Erdoğan, doktrin *Strategic Depth* menjadi prinsip asas Turki melaksanakan dasar luarnya. Perubahan dasar luar daripada dasar berorientasikan keselamatan nasional kepada dasar berorientasikan serantau memberi kesan kepada hubungan Turki-Israel. Pada mulanya, hubungan tersebut berjalan dengan baik khususnya dalam aspek perdagangan, ketenteraan, sumber dan diplomasi. Namun, beberapa tindakan Israel yang melanggar nilai-nilai sejagat seperti operasi-operasi ketenteraan di Gaza menyebabkan hubungannya dengan Turki menjadi tegang. Kemuncak krisis hubungan tercapai bilamana tentera Israel menyerang kapal *Mavi Marmara* milik Turki yang membawa misi kemanusiaan ke Gaza. Kajian mendapati, pasang surut hubungan Turki-Israel dipengaruhi oleh faktor domestik Turki, Israel dan serantau, di mana faktor serantau memainkan peranan terbesar terhadap corak hubungan tersebut. Meskipun hubungan Turki-Israel telah dipulihkan melalui perjanjian damai pada tahun 2016, krisis hubungan antara dua negara berpotensi untuk tercetus kembali berdasarkan perkembangan-perkembangan semasa. Hubungan dua hala Turki-Israel akan terus menyaksikan pasang surut berseiringan dengan perkembangan-perkembangan di masa akan datang.

Keywords: Turki, Israel, hubungan dua hala, *Strategic Depth*.

1.0 PENDAHULUAN

Jika disoroti, hubungan dua hala antara Turki dan Israel merupakan cerminan daripada latar belakang sejarah hubungan bangsa Turki dan bangsa Yahudi sejak era Khilafah Uthmaniyyah lagi. Menurut Nachmani (1987), bangsa Yahudi menikmati keamanan dan keistimewaan sepanjang berada di bawah naungan kerajaan Uthmaniyyah. Malah, semasa tragedi *Spanish Inquisitions* pada era Andalusia, ramai orang Yahudi yang melarikan diri dan bernaung di bawah Uthmaniyyah. Mereka telah diiktiraf sebagai “ahli kitab”, diperuntukkan ruang bagi mengisi sektor-sektor ekonomi dan sosial serta dibenarkan untuk berpindah ke kawasan yang kini merupakan negara Israel (Walker, 2006). Meskipun tidak melibatkan hubungan secara rasmi, namun hubungan tersebut melatari hubungan dua hala antara Turki dan Israel pada era moden.

Turki merupakan negara yang menjambatani kawasan Balkan di sebelah barat, kawasan Kaukasus di sebelah timur dan wilayah Asia Barat di sebelah selatan. Jika mengambilkira realiti tersebut, Turki boleh dikategorikan sebagai sebuah “negara pinggir” (*periphery state*) lantaran ia tidak termasuk di kalangan komuniti Eropah meskipun ia bersempadan dengan wilayah Eropah. Pada era awal, Turki juga dilihat terasing di kalangan negara-negara Asia Barat berikutan ideologi sekularisme yang menjadi anutan rasmi Turki sejak era Mustafa Kemal Atatürk (1923-1938); suatu elemen yang asing dari negara-negara Asia Barat yang lain. Tambahan pula, dasar elit sekularis Turki yang lebih pro-Barat menyebabkan Turki semakin meninggalkan Asia Barat dalam konteks dasar luarnya.

Berdasarkan beberapa sudut, Israel juga berada di situasi yang hampir sama dengan Turki. Letak geografinya di tengah-tengah negara Arab yang majoriti penduduknya merupakan umat Islam menjadikan Israel juga sebagai sebuah “negara pinggir”. Menurut Bir & Sherman (2002), berdasarkan “doktrin negara pinggir”, Israel mempunyai kesedaran bahawa perlu baginya untuk membina kerjasama dengan negara selain Arab bagi mengimbangi keberadaan negara-negara Arab di rantau Asia Barat. Dalam hal ini, Turki merupakan negara yang paling signifikan bagi memenuhi tujuan tersebut.

Secara asasnya, persefahaman antara Turki dan Israel bermula pada 28 Mac 1949 melalui pengiktirafan Turki terhadap penubuhan negara Israel (Ulutaş, 2010). Hal ini menjadikan Turki sebagai negara pertama dan satu-satunya di kalangan negara berpenduduk majoriti umat Islam yang mengiktiraf kewujudan Israel dalam tempoh 30 tahun (Bir & Sherman, 2002). Sejak penubuhan negara Israel dan pengiktirafan yang diberikan daripada Turki, hubungan dua hala antara Turki dan Israel telah dibina. Walau bagaimanapun, hubungan antara dua negara tersebut telah memperlihatkan pasang surutnya. Secara umumnya, hal ini dipengaruhi oleh faktor perubahan tampuk kepimpinan negara –misalnya kekeruhan hubungan semasa Turki dipimpin oleh Necmettin Erbakan sebagai Perdana Menteri (1996-1997) (Bir & Sherman, 2002)– serta perkembangan semasa yang mendesak kepada perubahan sikap dan dasar seperti krisis Suez (1956), Perang Enam Hari (1967) dan pengadaptasian undang-undang Israel di Baitulmaqdis (1980) (Ulutaş, 2010; Uzer, 2013).

Peralihan kerajaan Turki kepada Parti Keadilan dan Pembangunan (*Adalet ve Kalkınma Partisi*-AKP) (2002-kini) pimpinan Recep Tayyip Erdoğan (2003-kini) juga telah menyaksikan berlakunya pasang surut dalam hubungan dua hala antara Turki dan Israel. Penulis berpandangan, hubungan dua hala antara Turki dan Israel pada era Erdoğan selaku individu penting dalam mengemudi kerajaan AKP merupakan subjek yang signifikan untuk diteliti lantaran AKP ditampilkan sebagai parti berimejkan konservatif demokrat dan pro-Barat (Sambur, 2009), namun pada masa yang sama dikatakan pro-Islam dalam konteks hubungan luar (Warning & Kardaş, 2011). Kajian ini bertujuan bagi mengkaji hubungan dua hala antara Turki dan Israel pada era Erdoğan dengan meneliti pasang surut hubungan serta faktor-faktornya.

Kajian ini dimulai dengan perbincangan mengenai sejarah persefahaman antara Turki dan Israel sejak era Perang Dingin sehingga tahun 1990-an. Seterusnya, perbincangan difokuskan kepada topik utama kajian iaitu hubungan dua hala antara Turki dan Israel pada era Erdoğan.

2.0 SEJARAH PERSEFAHAMAN TURKI-ISRAEL

2.1 Dasar Luar Pro-Barat Turki dan Hubungannya dengan Israel semasa Perang Dingin

Dalam meneliti sejarah persefahaman antara Turki dan Israel, dasar luar pro-Barat yang diamalkan oleh Turki merupakan aspek yang penting untuk diberikan perhatian. Sejak awal lagi, İsmet İnönü (1938-1950) yang menggantikan Atatürk telah menunjukkan kecenderungannya terhadap dasar luar pro-Barat menerusi sikapnya terhadap Israel. Pada asalnya, Turki tidak menyokong akan penubuhan negara Israel menerusi undian yang dibuat dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada November 1947. Namun, kecenderungan negara-negara blok Barat terhadap penubuhan negara Israel menyebabkan Turki kemudiannya mengubah pendiriannya dan mengiktiraf negara Israel dua tahun kemudian (Nachmani, 1987).

Persefahaman atau hubungan antara Turki dan Israel pada era awal dibina hasil daripada pengaruh Barat. Semasa tempoh Perang Dingin misalnya, Turki dan Israel telah memainkan peranan secara selari berdasarkan kepentingan strategik Barat. Dalam hal ini, Turki dan Israel telah memainkan peranan bersama dalam membendung perluasan pengaruh Kesatuan Soviet di rantau Asia Barat meskipun berada di posisi yang berbeza. Turki telah menganggotai Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (*North Atlantic Treaty Organization*-NATO) –aliansi yang ditubuhkan bagi mengimbangi pengaruh Soviet– sejak tahun 1952, manakala Israel pula berperanan sebagai sekutu kuat Barat di rantau Asia Barat bagi mengimbangi keberadaan negara-negara Arab.

Penyertaan Turki ke dalam NATO merupakan suatu yang penting untuk diperhalusi berhubung dengan pelaksanaan dasar luarnya ketika itu. *Pertama*, penyertaan Turki ke dalam NATO sebagai aliansi blok Barat membolehkannya untuk menjalankan dasar luar yang bersifat pro-Barat. Hal ini selari dengan gagasan yang diasaskan oleh Atatürk yang menginginkan Turki untuk menjadi sebahagian daripada tamadun Barat (Walker, 2006). Maka, peluang untuk bersama Barat dan menjadi proksinya di rantau Asia Barat merupakan keinginan Ankara sejak sekian lama. *Kedua*, kebersamaan Turki dengan blok Barat turut mempunyai kepentingan di peringkat nasional; iaitu bagi membendung kelompok jalur kiri yang menerima pengaruh Marxisme dari Soviet. Kelompok kiri tersebut terdiri daripada gerakan pelajar yang mengambil pendekatan revolusionisme mahupun jaringan Marxisme yang kemudiannya menubuhkan Parti Buruh Turki (*Türkiye İşçi Partisi*-TİP) (Sözen, 2006; Sayari, 2010). Kirişçi (2018) menjelaskan, pendirian Turki untuk bersama blok Barat ketika itu diyakini dapat menyumbang kepada pengukuhan keselamatan nasional Ankara yang kian menerima tempias pengaruh komunisme Soviet.

Penyertaan ke dalam NATO membuka laluan kepada Turki untuk turut membina hubungan secara tidak langsung dengan Israel; iaitu proksi kuat kepada Barat di rantau Asia Barat. Hubungan yang dibina merupakan langkah yang penting bagi Turki berdasarkan tiga sudut iaitu: i) untuk mengimbangi kondisi di Asia Barat lantaran sebahagian negara Arab ketika itu cenderung terhadap Soviet (Kosebalaban, 2010); ii) penyisihan negara-negara Arab terhadap Turki lantaran pengiktirafannya terhadap Israel (Pipes, 1997), mendesak ia untuk mencari rakan strategik baru di rantau tersebut; dan iii) sebagai saluran bagi Turki untuk mendapatkan kepercayaan Barat dan sekaligus mengukuhkan lagi dasar luarnya yang pro-Barat. Sepanjang tempoh 1950-an sehingga 1980-an, hubungan antara Turki dan Israel dijalankan secara longgar dalam aspek ketenteraan dan perisikan (Uzer, 2013).

2.2 Hubungan Dua Hala antara Turki-Israel Tahun 1990-an

Selepas tamat Perang Dingin, persefahaman Turki-Israel bukan sahaja diteruskan, malah telah diperkukuhkan lagi dalam hal ehwal diplomatik, ketenteraan dan perisikan (Inbar, 2005). Menurut Uzer (2013), terdapat beberapa faktor yang mendesak Turki untuk mengukuhkan lagi hubungannya dengan Israel pasca Perang Dingin iaitu: i) permusuhan beberapa negara Arab terhadap Turki di atas sikapnya yang memihak kepada kepentingan Barat khususnya Amerika Syarikat pada era Perang Dingin; ii) Revolusi Iran tahun 1979 yang melahirkan sentimen anti-sekular di Iran dan turut memberi kesan kepada sekularisme di Turki; dan iii) kedinginan blok Eropah terhadap Turki. Pada masa yang sama, Tel Aviv amat mengalu-alukan kesudian Ankara yang kuat berpegang kepada prinsip sekularisme dan mengamalkan dasar pro-Barat untuk bekerjasama dengannya. Tambahan pula, Turki dan Israel berkongsi pandangan yang sama berhubung kerencaman di Asia Barat, khususnya terhadap “musuh bersama” iaitu Syria, Iraq dan Iran yang bersempadan dengan kedua-dua negara tersebut. Hal ini menguatkan lagi desakan bagi pembinaan hubungan strategik yang lebih kukuh antara Turki dan Israel, lebih-lebih lagi dalam aspek keselamatan (Ulutaş, 2010).

Adalah penting untuk dinyatakan bahawa hal ehwal ketenteraan mendapat tempat paling utama dalam hubungan dua hala antara Turki dan Israel (Ulutaş, 2010; Tür, 2012). Sepanjang tahun 1990-an, beberapa perjanjian mengenai kerjasama ketenteraan telah ditandatangani. Perjanjian-perjanjian tersebut membolehkan Turki dan Israel menjalankan latihan ketenteraan secara bersama di samping memenuhi kepentingan-kepentingan ketenteraan yang lain (Lochery, 1998; Tür, 2012). Kerjasama antara dua negara menjadikan Tel Aviv berperanan dalam membekalkan teknologi persenjataan moden kepada Ankara yang sukar untuk didapati secara langsung daripada Washington dan negara-negara Barat. Manakala Ankara pula menyediakan kawasan bagi latihan ketenteraan Tel Aviv, khususnya ruang udara yang sekaligus membantu mengatasi masalah limitasi wilayah latihan ketenteraan Tel Aviv (Bir & Sherman, 2002).

Di pihak Turki, Angkatan Tentera Turki (*Türk Silahlı Kuvvetleri*-TSK) menjadi entiti pelopor kepada hubungan dua hala dengan Israel (Coben & Freilich, 2014). Ini sekaligus menjelaskan perihal tumpuan terhadap aspek ketenteraan yang diberikan melalui hubungan dua hala Turki-Israel. Menurut Uzer (2013), TSK turut memanfaatkan hubungan ketenteraan dengan Israel bagi memperkukuhkan keselamatan nasional dan mengimbangi kerajaan Turki yang bersifat pro-Islam semasa era Erbakan (1996-1997). Di pihak Israel juga lebih cenderung untuk berhubung dengan Turki menerusi TSK, sekaligus mengabaikan kerajaan Turki yang dipilih secara demokratik oleh rakyat.

Hubungan dua hala antara Turki –atau lebih tepat; TSK– dengan Israel mencapai kemuncaknya pada penghujung tahun 1990-an (Ulutaş, 2010). Perkembangan tersebut adalah serentak dengan tempoh yang turut menyaksikan penglibatan meluas TSK di dalam pentadbiran Turki berikutan pengukuhan aspek keselamatan nasional bagi menangani ancaman “negara-negara musuh” di peringkat serantau. TSK selaku ejen pelopor aliansi Ankara-Tel Aviv turut menjadi pendesak kuat kepada kerajaan Turki supaya terus memperkukuhkan hubungan dengan Israel. Jeneral Çevik Bir; iaitu arkitek utama kepada hubungan Turki-Israel menjelaskan bahawa TSK turut berperanan dalam memastikan supaya Turki sentiasa menjalinkan hubungan dengan Israel serta tidak cenderung kepada Islam dalam polisi luarnya (Bir & Sherman, 2002).

Status hubungan Turki-Israel menjadi antara faktor utama kepada rampasan kuasa tentera pada tahun 1997. Hal ini berlaku lantaran Erbakan yang merupakan pemimpin dari jalur Islam tidak cenderung terhadap penjalinan hubungan dengan Israel (Tür, 2012); iaitu sikap yang bertentangan dengan kehendak TSK. Dalam hal ini, Erbakan lebih cenderung terhadap kerjasama dengan negara-negara umat Islam termasuklah Iran. Rampasan kuasa tentera tahun 1997 mengisytiharkan bahawa perihal hubungan antara Turki dan Israel merupakan isu yang bersifat sentral dalam konteks politik di Turki pada tahun 1990-an.

Pencalonan Turki dalam Kesatuan Eropah (*European Union*-EU) pada tahun 1999 turut menandakan titik mula kepada perkembangan baru mengenai hubungan antara Turki dan Israel. Bagi memenuhi syarat penyertaan EU, Turki perlu memenuhi syarat-syarat di dalam Kriteria Copenhagen khususnya dalam aspek pelaksanaan hak asasi, dasar ekonomi bebas dan reformasi politik. Selain itu, peranan TSK turut dikedalikan melalui perubahan polisi luar Turki daripada dasar keselamatan nasional kepada dasar yang lebih bersifat serantau (*foreign-based*) (Tür, 2012). Perkembangan tersebut turut memberi kesan kepada hubungan dua hala Turki-Israel berikutan selama ini, hubungan yang terjalin adalah dipelopori oleh TSK. Pelaksanaan dasar luar Turki yang lebih liberal dan akomodatif telah dilaksanakan pada era Erdoğan yang turut memperlihatkan dinamika baru dalam konteks hubungan Turki dan Israel.

3.0 HUBUNGAN DUA HALA ANTARA TURKI-ISRAEL PADA ERA ERDOĞAN

Pada era Erdoğan, hubungan dua hala antara Turki dan Israel menyaksikan perubahan dan pasang surut. Bahagian ini akan membincangkan mengenai hubungan dua hala antara Turki dan Israel pada era Erdoğan. Ia didahului dengan perbincangan terhadap beberapa prinsip asas kepada hubungan luar Turki pada era Erdoğan untuk memahami kerangka yang mendasari hubungan antara Turki dan Israel. Seterusnya, bahagian ini akan membincangkan episod-episod penting mengenai pasang surut hubungan Turki-Israel pada era Erdoğan.

3.1 *Strategic Depth* sebagai Prinsip Hubungan Luar Turki pada Era Erdoğan

Pelaksanaan dasar hubungan luar Turki pada era Erdoğan boleh difahami berdasarkan doktrin *Strategic Depth* yang diperkenalkan oleh Ahmet Davutoğlu sewaktu berkhidmat sebagai penasihat Erdoğan dalam hubungan luar (2003-2009) dan Menteri Luar Turki (2009-2014). Ia dirangka dengan mengambilkira kedudukan strategik Turki yang berada di tengah-tengah benua Asia dan Eropah, di samping hampir dengan benua Afrika melalui Laut Mediterranean (Davutoğlu, 2008; Warning & Kardaş, 2011).

Secara asasnya, dasar hubungan luar Turki dibina berasaskan kepada lima prinsip utama iaitu: i) pengimbangan antara kebebasan dan keselamatan nasional; ii) sifar masalah dengan negara-negara jiran; iii) pembinaan hubungan dengan negara-negara jiran; iv) polisi hubungan luar multi-dimensi; dan v) diplomasi intensif (Davutoğlu, 2008). Dalam menghuraikan mengenai prinsip-prinsip hubungan luar Turki, Davutoğlu (2012) menjelaskan bahawa pendekatan yang diambil berhubung hal ehwal luar adalah berpaksikan kepada latar belakang sejarah Turki sama ada sebelum mahupun semasa era republik. Misalnya, hubungan yang terbina antara Turki dan Israel berdasarkan daripada sejarah hubungan antara bangsa Turki dan bangsa Yahudi sejak era Uthmaniyyah, seterusnya menjadi rujukan kepada hubungan yang lebih bersifat komprehensif pada era moden.

Kerelevanan dan corak hubungan dua hala antara Turki dan Israel boleh difahami berdasarkan prinsip-prinsip di atas yang menjadi kerangka asas kepada pelaksanaan dasar hubungan luar Turki. Misalnya, prinsip sifar masalah dengan negara-negara jiran serta pembinaan hubungan dengan negara-negara jiran membolehkan Turki untuk menjalinkan hubungan dengan mana-mana negara serantau tanpa mengira agama, ideologi dan mazhab anutan sesebuah negara itu. Dalam hal ini, negara Israel yang menempatkan masyarakat berbangsa Yahudi dan beragama Judaisme tidak menjadi penghalang kepada pembinaan hubungannya dengan Turki. Selain itu, prinsip multi-dimensi tidak menjejaskan hubungan Turki dengan Israel meskipun pada masa yang sama, Turki bebas untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara yang mempunyai hubungan antagonistik dengan Israel seperti Lubnan, Syria dan Palestin (Davutoğlu, 2008). Ini

bermaksud, prinsip multi-dimensi menjadikan Turki berpegang kepada dasar hubungan luar yang neutral dan tidak memihak kepada mana-mana negara secara mutlak.

Pada masa yang sama, prinsip-prinsip asas kepada pelaksanaan dasar hubungan luar Turki tidak menghalangnya untuk bersikap tegas dalam menjalankan hubungannya dengan negara-negara lain. Misalnya, serangan Tel Aviv ke atas Gaza dan pembunuhan Sheikh Ahmad Yassin; pemimpin Gerakan Pembebasan Islam (*Harakat al-Muqawamah al-Islamiyyah*- Hamas) telah mengundang kritikan daripada Erdoğan, menyebabkan Ankara enggan menandatangani perjanjian persenjataan dengan Tel Aviv (McGreal, 2004). Dalam menghuraikan prinsip pengimbangan antara kebebasan dan keselamatan nasional, Davutoğlu (2012) menyebutkan bahawa Turki turut mempunyai misi untuk mempromosikan nilai-nilai sejagat seperti kemanusiaan, demokrasi dan hak asasi. Disebabkan itulah Turki telah beberapa kali memulaukan Israel kerana dianggap melanggar nilai-nilai sejagat yang dicanang oleh Turki. Berdasarkan misi tersebut juga, Turki turut berperanan secara aktif sebagai pengantara rundingan damai negara-negara serantau seperti rundingan Israel-Syria dan rundingan Israel-Palestin.

Berasaskan kepada prinsip-prinsip doktrin *Strategic Depth* di atas, maka dapatlah difahami bahawa dasar hubungan luar Turki pada era Erdoğan adalah berbeza dengan sebelumnya. *Pertama*, Ankara tidak lagi terlalu mementingkan aspek keselamatan nasional semata-mata, sebaliknya turut menjalinkan hubungan strategik dengan negara-negara serantau. *Kedua*, Ankara tidak lagi terikat dengan mana-mana aliansi secara mutlak, akan tetapi bebas untuk menjalankan persefahaman dengan mana-mana negara hatta negara yang bukan aliansi tradisinya. *Ketiga*, berikutan misinya bagi mempromosikan nilai-nilai sejagat, Ankara turut memainkan peranan secara akomodatif dalam hal ehwal diplomasi seperti menjadi pengantara kepada proses rundingan damai antara rakan-rakan serantau.

3.2 Hubungan Turki-Israel: Fasa Kesepaduan

Pendekatan AKP yang lebih bersifat multi-dimensi dan akomodatif turut memberi kesan kepada perubahan corak hubungan Turki-Israel berdasarkan dua aspek. *Pertama*, Tel Aviv tidak lagi menjadi rakan strategik tunggal bagi Ankara di Asia Barat lantaran Ankara turut mengubah dasarnya kepada membina hubungan strategik dengan negara-negara Arab di rantau tersebut (Akgün, Gündogar, & Gorgülü, 2014). Perubahan ini menjadikan Ankara lebih teliti dan cermat dalam menjalinkan hubungan dengan Tel Aviv bagi mengimbangi hubungannya dengan negara-negara yang lain. *Kedua*, perubahan dasar luar Turki daripada memelihara keselamatan nasional kepada dasar yang lebih memelihara kepentingan serantau menjadikan aspek ketenteraan bukan lagi menjadi keutamaan buat Ankara. Hal ini telah mengurangkan peranan kerjasama ketenteraan antara kedua-dua negara tersebut.

Meskipun begitu, hubungan baik antara Turki dan Israel diteruskan dalam beberapa aspek khususnya pada penggal awal kepimpinan AKP. Dalam aspek perdagangan misalnya, nilai import dan eksport yang melibatkan kedua-dua negara terus meningkat. Dalam aspek ketenteraan, Israel telah meneruskan projek pemodenan persenjataan Turki sepertimana yang dilakukan pada era sebelumnya dengan membekalkan teknologi baru bagi kereta kebal tentera Turki. Pada masa yang sama, angkatan tentera udara Israel juga terus menyertai latihan bersama di Turki secara aktif terutamanya sepanjang tahun 2003 dan 2004 (Sahar, 2005). Pada Januari 2004, perjanjian antara kedua-dua negara telah dimetrai berhubung dengan penjualan sumber air dari Sungai Manavgat, Turki kepada Israel (Inbar, 2005; Akgün, Gündogar, & Gorgülü, 2014).

Selain itu, hubungan diplomasi antara Turki dan Israel turut diperkukuhkan. Pada Mei 2005, Perdana Menteri Erdoğan telah melakukan kunjungan rasmi ke Israel. Ia menjadikan Erdoğan sebagai pemimpin pertama dari negara umat Islam yang melakukan hal sedemikian (Myre, 2005). Pada tahun-tahun berikutnya pula, Israel telah melakukan kunjungan balas yang diwakili sendiri oleh Presiden Shimon Peres pada tahun 2007, Perdana Menteri Ehud Olmert pada tahun 2007

dan 2008 serta beberapa pertemuan berprofil tinggi yang melibatkan kementerian pertahanan antara kedua-dua negara (Uzer, 2013).

Selain hubungan dua hala secara langsung, Turki turut berperanan sebagai “jambatan penghubung” bagi Israel dengan beberapa negara umat Islam sebagai pengantara perjanjian damai. Pada September 2005, Turki telah menjadi pengantara bagi pertemuan rasmi pertama antara Israel dan Pakistan dalam membincangkan mengenai hal ehwal keselamatan serta dialog antara agama (Henderson & Cagaptay, 2005). Pada Mei 2008 pula, Turki telah memainkan peranan sebagai pengantara bagi rundingan damai antara Israel dan Syria. Inisiatif Ankara tersebut membolehkan perundingan dilakukan semula antara Tel Aviv dan Damsyik setelah terhenti selama lapan tahun (Israel Ministry of Foreign Affairs, 2008). Dalam tempoh proses rundingan tersebut, pimpinan-pimpinan negara Turki dan Israel saling berbalas kunjungan sehinggalah Israel menjalankan operasi ketenteraan *Cast Lead* ke atas Semenanjung Gaza pada Disember 2008 (Ulutaş, 2010).

3.3 Hubungan Turki-Israel: Fasa Kemosotan

Bibit kemosotan hubungan dua hala antara Turki dan Israel pada era Erdoğan ditandai dengan Perang Iraq 2003. Perang tersebut mencetuskan pertembungan pandangan Turki-Israel. Dalam hal ini, Ankara lebih mengkhawatiri masa depan keselamatannya kesan dari ketidakstabilan di Baghdad, khususnya dari ancaman etnik Kurdi. Manakala Tel Aviv pula lebih cenderung supaya Presiden Iraq; Saddam Hussein dijatuhkan. Pandangan Ankara tersebut menghasilkan dua implikasi iaitu: i) Ankara melihat perlu baginya untuk memperkukuhkan hubungan dengan Damsyik dan Tehran –dua kuasa yang berseteru dengan Tel Aviv– untuk tujuan keselamatan nasionalnya; dan ii) penolakan Ankara terhadap Resolusi 1 Mac 2003 bagi membolehkan Washington membuka pangkalan tentera untuk menghadapi ancaman dari bahagian utara Iraq (Tür, 2012). Menurut Kosebalaban (2010), operasi ke atas Iraq menyebabkan timbulnya persepsi negatif masyarakat Turki secara umum terhadap Amerika Syarikat yang sekaligus turut menjejaskan perspektif terhadap Israel selaku sekutu kuat Washington di rantau tersebut.

Selepas Perang Iraq, kemenangan Hamas dalam pilihanraya Januari 2006 turut memberi kesan terhadap hubungan Turki-Israel. Pada 16 Februari, Ankara telah menerima kunjungan delegasi Hamas yang dipimpin oleh Khaled Meshaal, sekaligus menterjemahkan pengiktirafan Ankara terhadap kemenangan Hamas. Perdana Menteri Israel menerusi jurucakapnya menyebutkan bahawa tindakan Turki tersebut “merupakan satu kesilapan yang boleh menjejaskan hubungan [yang telah dibina]” (Sekulow, 2016). Cagaptay (2006) menyebutkan, Turki sebelumnya diharapkan dapat berperanan menjadi pihak tengah antara Palestin dan Israel melalui solusi dua negara yang disarankan. Walau bagaimanapun, pengiktirafan Ankara terhadap Hamas; iaitu entiti yang didakwa Tel Aviv sebagai kumpulan pengganas dan tidak berkompromi dengan kewujudan Israel telah mengeruhkan hubungan antara dua negara tersebut. Kekecuruhan tersebut berakhir selepas pertemuan segera yang dilakukan antara pihak kerajaan Turki dengan wakil kedutaan Israel pada 21 Februari 2006 bagi memulihkan semula hubungan (Tür, 2012).

Ketegangan hubungan secara sementara pada tahun 2006 tidak menghalang kepada pelaksanaan proses rundingan damai antara Israel dan Syria yang dipengerusikan oleh Turki sehinggalah pihak Israel melancarkan operasi *Cast Lead* ke atas Semenanjung Gaza. Operasi tersebut bermula pada 28 Disember 2008 dan berlangsung selama tiga minggu, bertujuan bagi menghentikan serangan roket oleh Hamas dan pejuang Palestin yang lain (Astro Awani, 28 Disember 2013). Operasi *Cast Lead* telah menjadi titik mula kepada kemosotan hubungan dua hala antara Turki dan Israel yang lebih serius. Ironinya, operasi tersebut dilancarkan hanya beberapa jam selepas keberangkatan Perdana Menteri Olmert ke Israel selepas kunjungannya ke Turki. Pada Ankara, tindakan Tel Aviv tersebut seakan satu pengkhianatan terhadapnya berdasarkan dua sudut iaitu: i) inisiatif Ankara menemukan Tel Aviv dan Damsyik melalui rundingan damai seakan tidak

dihargai; dan ii) operasi *Cast Lead* mensasarkan serangan ke atas Hamas, iaitu entiti yang semakin didekati oleh Ankara sebagai rakan yang baru (Eran, 2011).

Rentetan daripada operasi *Cast Lead*, kritikan secara terbuka telah dilakukan oleh Erdoğan dengan mendakwa Israel sebagai “hipokrit” kerana bercakap tentang keamanan namun pada masa yang sama melakukan “pembunuhan terhadap kanak-kanak” (Tür, 2012). Kemuncaknya, Erdoğan telah berkonfrontasi dengan Presiden Israel; Shimon Peres dalam Forum Ekonomi Dunia di Davos pada Januari 2009. Dalam forum tersebut, Erdoğan bangun dan meninggalkan Peres selepas mengutuk keras operasi ketenteraan Israel di Palestin yang telah menyebabkan bilangan kematian yang tinggi (The Guardian, 30 Januari 2009). Selepas peristiwa di Davos, hubungan antara Turki dan Israel semakin memperlihatkan keretakan. Misalnya, Israel telah disisihkan daripada menyertai latihan ketenteraan bersama dengan Turki seperti yang dijadualkan sebelumnya. Dalam tempoh tersebut juga, siaran televisyen Turki turut menyiarkan siri rancangan *Ayriulik* yang menggambarkan kekejaman tentera Israel, sekaligus mengundang kemarahan Israel (Tür, 2012).

3.4 Insiden *Mavi Marmara* dan Hubungan Turki-Israel selepas Tahun 2010

Lantaran kemenangan Hamas pada tahun 2006, Israel telah memperkekatkan kawalan di perairan Gaza yang turut menyukarkan kemasukan bantuan dari luar (Sekulow, 2016). Sebagai respon, beberapa badan kemanusiaan antarabangsa –antaranya badan kemanusiaan Turki; Yayasan Bantuan Kemanusiaan (*Ihsani Yardım Vakfı*-İHH)– telah bekerjasama di bawah nama *Freedom Flotilla* bagi menggerakkan bantuan menerusi pelayaran kapal pada Mei 2010. Menurut Ruzanah & Mohd Roslan (2016), gerakan tersebut antaranya meletakkan misi bagi memecahkan kepungan Israel ke atas Gaza dan meningkatkan kesedaran antarabangsa terhadap kepungan yang dilakukan.

Pada asalnya, misi pelayaran enam buah kapal tersebut berjalan dengan lancar sehinggalah pihak tentera Israel menjalankan sekatan. Sekatan yang dilakukan khususnya terhadap kapal *Mavi Marmara* yang dikelola oleh İHH telah menyebabkan berlakunya pergelutan antara tentera Israel dan sukarelawan. Kesannya, sembilan orang sukarelawan Turki telah terkorban, manakala 53 yang lain mengalami kecederaan (Ruzanah & Mohd Roslan, 2016).

Insiden tersebut telah menerima kecaman keras daripada beberapa pimpinan kanan Turki termasuklah oleh Erdoğan dan Davutoğlu. Kesannya, Ankara semakin merenggangkan hubungannya dengan Tel Aviv dengan menggantung kerjasama latihan ketenteraan, mengusir duta Israel di Turki dan memanggil balik duta Turki di Israel (Tavernise, 2010). Selain itu, Turki juga telah mengemukakan tiga tuntutan kepada Israel bagi memulihkan semula hubungan iaitu permohonan maaf secara terbuka oleh Israel, bayaran pampasan terhadap keluarga mangsa dan menghentikan sekatan kepungan di Gaza bagi membolehkan penyaluran bantuan. Meskipun pihak PBB telah melakukan campurtangan dengan harapan supaya hubungan Turki-Israel segera dipulihkan, namun kekeruhan hubungan tersebut tetap tidak berjaya dijernihkan. Tambahan pula, laporan yang dikeluarkan oleh PBB setahun selepas insiden *Mavi Marmara* menjustifikasikan sekatan Israel bahawa ia tertakluk di bawah undang-undang –walaupun turut dinyatakan bahawa tindakan tentera Israel adalah “berlebihan dan tidak sepatutnya dilakukan”– tidak dipersetujui oleh Turki (Friedman & Fraser, 2011).

Perkembangan selepas insiden *Mavi Marmara* menyaksikan Turki semakin memperkukuhkan hubungannya dengan Hamas dalam keadaan hubungannya dengan Israel terus mengalami kekeruhan. Dalam hal ini, beberapa pertemuan berprofil tinggi telah dilakukan sepanjang tahun 2012 sehingga 2014. Siri pertemuan tersebut dimulai dengan kunjungan Perdana Menteri wilayah Semenanjung Gaza; Ismail Haniyeh ke kediaman rasmi Erdoğan pada Januari 2012, diikuti dengan pertemuan Erdoğan dan Davutoğlu dengan Meshaal di Qatar pada April 2012, pertemuan Meshaal-Erdoğan di Ankara pada Julai 2012, delegasi Hamas pemimpin Haniyeh dan Meshaal ke Ankara pada Jun 2013 serta pertemuan-pertemuan lain pada Oktober 2013, Julai dan

Disember 2014 (Benjamin, 2016). Selain itu, Turki turut bertindak menyalurkan bantuan kewangan sebanyak 250 juta dolar setahun kepada Hamas bagi pembangunan di Gaza sejak tahun 2012 (Israel National News, 23 Disember 2013). Pada tahun 2015 pula, lebih 200 juta dolar telah diperuntukkan bagi pembinaan semula Gaza selepas konflik Gaza-Israel pada Julai-Ogos 2014 (Sekulow, 2016).

Walau bagaimanapun, ketegangan hubungan Turki-Israel mulai kendur melalui campurtangan Washington yang mendesak Tel Aviv untuk memenuhi ketiga-tiga tuntutan Ankara. Pada Jun 2016, Turki dan Israel telah menandatangani perjanjian bagi memulihkan semula hubungan dua hala. Terdapat beberapa perkara yang dipersetujui secara bersama, antaranya persetujuan Israel bagi memenuhi tuntutan Turki dalam insiden *Mavi Marmara*, pemulihan hubungan di peringkat kedutaan, persetujuan Turki untuk mengehadkan kegiatan Hamas di Ankara serta kerjasama bagi mengesan lokasi minyak baru di perairan Israel. Selain itu, kedua-dua negara juga telah mencapai kata sepakat bagi menghadapi krisis di Syria dengan mengimbangi aliansi Rusia-Iran-Hizbullah yang menyokong Presiden Syria; Bashar Assad dan meneruskan urusan perdagangan antara dua negara (Ravid, 2015; Arbell, 2017). Pemulihan hubungan tersebut merupakan suatu yang signifikan dalam konteks perkembangan hubungan dua hala Turki-Israel setelah kira-kira enam tahun menghadapi era konflik (Reuters, 28 Jun 2016).

4.0 MENELITI DI SEBALIK PASANG SURUT HUBUNGAN DUA HALA TURKI-ISRAEL PADA ERA ERDOĞAN

4.1 Beberapa Faktor yang Mempengaruhi Corak Hubungan Turki-Israel

Secara umumnya, terdapat dua bentuk pendapat yang cuba menghuraikan faktor pasang surut, khususnya mengenai kemerosotan hubungan antara Turki dan Israel. Pendapat pertama berpegang bahawa perubahan hubungan tersebut didorong oleh faktor ideologi. Dalam hal ini, AKP yang merupakan parti serpihan daripada domain gerakan politik Islam sebelumnya dilihat masih berpegang kepada idea politik Islam, termasuklah dalam hubungan luar (Warning & Kardaş, 2011). Secara tidak langsung, pendapat ini turut mengaitkan AKP dengan sikap anti-Israel, sekaligus meletakkan justifikasi kepada hubungan yang kian terjalin antara Turki dengan “negara-negara musuh” sebelumnya (Coben & Freilich, 2014).

Bertentangan dari pendapat pertama, pendapat kedua pula lebih melihat perubahan hubungan antara Turki dan Israel dari aspek keseimbangan kuasa. Pendapat ini menghujahkan bahawa telah berlaku perubahan terhadap senario geopolitik serantau yang tidak lagi mendesak kepada kerjasama bagi keselamatan nasional antara Ankara-Tel Aviv sepertimana yang dilakukan pada tahun 1990-an. Ini kerana telah wujud realiti baru kepada senario geopolitik di rantau tersebut yang juga mendesak kepada dasar hubungan luar yang baru (Tür, 2012).

Penulis berpandangan, kedua-dua pendapat di atas tidak memadai untuk menghuraikan faktor pasang surut hubungan antara Turki dan Israel secara keseluruhan. Sebaliknya, faktor domestik Turki, Israel serta faktor serantau juga perlu diambilkira bagi memahami senario pasang surut tersebut.

4.1.1 Faktor Domestik Turki

Pencalonan keanggotaan Turki ke dalam EU telah memberi kesan kepada pengaruh TSK. Perkara ini lebih jelas dilihat pada era Erdoğan melalui pelbagai reformasi politik dan perundangan yang dilakukan menerusi Siri Pakej Harmonisasi (Secretariat General for EU Affairs, 2007) dan pindaan Perlembagaan Turki pada tahun 2010. Usaha-usaha tersebut telah mengecilkan peranan tentera dalam urusan pentadbiran negara serta memperkasakan kedudukan

masyarakat sivil; iaitu aspek-aspek penting bagi memenuhi Kriteria Copenhagen. Perubahan ini turut mempengaruhi hubungan Turki dengan Israel lantaran fokus kepada hubungan antara dua negara tersebut selama ini lebih tertumpu kepada aspek ketenteraan berbanding aspek-aspek yang lain.

Doktrin *Strategic Depth* yang mendasari polisi luar Turki pada era Erdoğan memberi pengaruh terhadap hubungannya dengan Israel. Berdasarkan prinsip “sifar masalah dengan negara-negara jiran”, Ankara mengamalkan sikap berkecuali dan tidak berpihak dalam menjalinkan hubungan dengan mana-mana kuasa lain khususnya di rantau Asia Barat. Dalam hal ini, Turki bukan sahaja membina hubungan dengan negara-negara Arab yang tidak berseteru dengan Israel, malah juga dengan Syria, Iran, Lubnan dan Palestin. Hal ini sedikit sebanyak menjejaskan hubungan antara Ankara dan Tel Aviv (Tür, 2012).

Di samping itu, persepsi umum masyarakat Turki juga merupakan antara faktor penting kepada perubahan corak hubungan dua hala Ankara-Tel Aviv. Pandangan awam di Turki secara umumnya memihak kepada Palestin secara relatifnya berbanding Israel (Coben & Freilich, 2014). Dalam hal ini, Bacık (2009) menyebutkan bahawa di mata masyarakat Turki amnya, hubungan yang terjalin antara Turki dan Israel lebih bersifat ketenteraan dan tidak berasaskan aspirasi rakyat. Masyarakat Turki melihat, TSK yang kuat pengaruhnya hasil hubungan erat dengan Israel berpotensi untuk meruntuhkan legetimasi sosial sepertimana yang pernah dilakukan menerusi “kudeta halus” tentera pada tahun 1997 (Bacık, 2009). Menurut Inbar (2005) pula, agenda AKP untuk memenuhi Kriteria Copenhagen sebagai syarat keanggotaan ke dalam EU mendesak parti tersebut untuk melaksanakan dasar pragmatik, termasuklah dalam mendengar kehendak popular rakyat yang pro-Palestin dan menolak Israel. Hal ini mempengaruhi sikap kritikal Erdoğan dan AKP terhadap Israel yang sekaligus turut menjadi asas hubungan yang semakin erat antara Turki dan Palestin.

4.1.2 Faktor Domestik Israel

Bagi Bacık (2009), faktor pasang surut hubungan antara Turki dan Israel tidak boleh semata-mata dilihat dari pihak Turki, sebaliknya perlu juga mengambilkira perkembangan di pihak Israel. Menurut beliau, perkembangan domestik di Israel turut mempengaruhi corak hubungan Ankara-Tel Aviv. Dalam hal ini, ketidakstabilan politik dalaman dan kemunculan parti-parti ekstrem kanan telah menjarakkan Tel Aviv daripada Ankara disebabkan beberapa sikap yang diperlihatkan (Bacık, 2009). Dalam kes insiden *Mavi Marmara* misalnya, timbul pertembungan pendapat yang jelas di kalangan pemimpin politik Israel mengenai keperluan untuk Tel Aviv meminta maaf terhadap Ankara (Coben & Freilich, 2014). Kecamukan ini menimbulkan kesangsian Turki terhadap komitmen Israel untuk memulihkan semula hubungan yang telah keruh berpunca dari tindakan pihak Israel sendiri. Tambahan pula, kemunculan entiti jalur ekstrem di Israel adalah tidak bertepatan dengan aspirasi Turki yang kian menuju ke arah yang lebih liberal pada era Erdoğan, lantas mewujudkan jurang antara dua negara tersebut.

4.1.3 Faktor Serantau

Pasang surut hubungan antara Turki dan Israel banyak dipengaruhi oleh perkembangan di peringkat serantau. Dalam hal ini, Uzer (2013) menjelaskan bahawa perkembangan di Palestin, khususnya di Semenanjung Gaza memainkan peranan yang penting dalam menentukan corak hubungan dua hala antara Turki dan Israel. Selagimana Israel menjalankan dasar yang tidak menjejaskan keamanan dan keselamatan Palestin, maka hubungannya dengan Turki akan berjalan seperti biasa. Begitu juga sebaliknya; jika berlaku konflik antara Israel dan Palestin, maka situasinya akan berubah (Tür, 2012).

Bagi memahami pengaruh perkembangan di Palestin terhadap corak hubungan Turki dan Israel, beberapa peristiwa atau perkembangan adalah penting perlu untuk disoroti. Misalnya, operasi ketenteraan Israel di Gaza sehingga menyebabkan pembunuhan dua pemimpin utama Hamas; Sheikh Ahmad Yassin dan Abdul Aziz al-Rantisi pada tahun 2004 telah mengundang kecaman Erdoğan yang mendakwa Israel telah melakukan “keganasan di peringkat negara” (Eligür, 2012). Kesannya, hubungan antara dua negara mengalami kemerosotan sehinggalah beberapa pertemuan berprofil tinggi yang diadakan sepanjang tahun 2005 antara pemimpin Turki dan pemimpin Israel bagi memulihkan semula hubungan (Tür, 2012). Perkembangan seterusnya menyaksikan persetujuan Ankara untuk menjadi pengantara bagi rundingan damai antara Tel Aviv dan Damsyik yang bermula pada Mei 2008. Walau bagaimanapun, proses rundingan tersebut terpaksa dihentikan pada Disember 2008 lantaran operasi *Cast Lead* yang dilancarkan oleh Tel Aviv terhadap Gaza. Pada perkiraan Ankara, tindakan Tel Aviv memperlihatkan ketidaksungguhan dan sikap hipokritnya terhadap agenda keamanan serantau. Operasi ketenteraan tersebut akhirnya memberi kesan drastik kepada kemerosotan hubungan Ankara-Tel Aviv (Eran, 2011), sehingga membawa kepada konflik yang lebih terzahir di Davos pada Januari 2009 (Tür, 2012). Kemudian pada Mei 2010 pula, serangan terhadap kapal *Mavi Marmara* yang membawa misi kemanusiaan ke Gaza semakin mengeruhkan lagi hubungan antara Turki dan Israel yang sedia tegang sejak setahun sebelumnya.

Selain perkembangan di Palestin, perbezaan kepentingan serantau turut memberi kesan kepada hubungan antara Turki dan Israel. Sepanjang tahun 1990-an, Turki dan Israel berkongsi kepentingan strategik yang hampir sama di peringkat serantau; iaitu bagi memperkukuhkan keselamatan nasional dari ancaman luar. Hal ini berbeza dengan Turki di bawah pemerintahan AKP, di mana kepentingan serantau Ankara bukan lagi tertakluk kepada agenda memperkukuhkan keselamatan nasional semata-mata, namun turut merangkumi agenda memperkasakan hubungan serantau. Menurut Tür (2012), perbezaan kepentingan serantau antara Turki dan Israel memberi kesan kepada perbezaan perspektif dan cara pandang kedua-dua negara terhadap perkembangan-perkembangan di peringkat serantau, yang seterusnya memberi natijah kepada sikap dan tindakan yang juga berbeza. Dalam Perang Iraq 2003 misalnya, Ankara memandang operasi ketenteraan Washington di Baghdad boleh mengukuhkan pengaruh etnik Kurdi dan menjejaskan keselamatannya. Hal ini mendesak Ankara untuk bekerjasama dengan Damsyik dan Baghdad bagi membendung pengaruh masyarakat Kurdi. Manakala Tel Aviv pula tidak mempunyai sebarang kepentingan terhadap operasi tersebut dan lebih mengharapkan supaya Saddam Hussein dijatuhkan. Selain Perang Iraq, beberapa aspek lain seperti pandangan terhadap Palestin, Hamas dan Iran turut memperlihatkan perbezaan pandangan antara Turki dan Israel. Perbezaan pandangan di peringkat serantau secara tidak langsung telah mewujudkan garis pemisah antara dua negara tersebut.

5.0 PENUTUP

Secara ringkasnya, Turki dan Israel telah membina hubungan sejak era Perang Dingin dan diperkukuhkan lagi pada tahun 1990-an. Namun, ia mengalami perubahan dan melalui pasang surut lantaran peralihan corak dasar luar Turki, lebih-lebih lagi semasa era Erdoğan. Kondisi hubungan antara dua negara tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor sama ada di peringkat domestik Turki, Israel mahupun faktor serantau. Namun, kajian mendapati bahawa faktor serantau memainkan peranan yang besar terhadap corak hubungan dua hala tersebut. Dalam hal ini, adalah didapati bahawa hubungan antara Turki dan Israel akan berada dalam keadaan baik bilamana tiada konflik yang tercetus antara Israel dengan mana-mana negara Arab, khususnya Palestin. Ini kerana dalam menjalankan dasar luarnya, Ankara turut mempunyai misi bagi menyebarkan nilai-nilai sejagat di peringkat serantau yang sekaligus menolak sebarang konflik dan pencabulan kemanusiaan. Disebabkan itulah beberapa kali hubungan dua hala antara dua

negara tersebut dibekukan lantaran Tel Aviv yang tidak menghormati nilai-nilai sejagat dengan mencetuskan konflik kemanusiaan di Gaza; suatu tindakan yang tidak popular dari perspektif Ankara.

Meskipun hubungan antara Turki dan Israel telah dipulihkan semula pada tahun 2016, namun perkembangan mutakhir di peringkat serantau memungkinkan konflik antara dua negara tersebut untuk kembali tercetus. Serangan rambang yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap rakyat Palestin yang berarak ke sempadan Gaza-Israel pada April 2018 bagi memperingati 70 tahun pendudukan Israel (Hari Nakbah) telah menerima kritikan tajam Erdoğan (BBC News, 1 April 2018). Ia diikuti dengan penganjuran sidang tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (*Organisation of Islamic Cooperation-OIC*) yang dipengerusikan sendiri oleh Erdoğan bagi membincangkan mengenai krisis di Gaza; suatu tindakan yang semestinya tidak menyenangkan Tel Aviv. Penulis menjangkakan, hubungan Turki-Israel di masa yang mendatang akan kembali tegang jika Tel Aviv tidak memperlihatkan kesediannya untuk menghentikan krisis kemanusiaan di Gaza. Tambahan pula, perkembangan terbaru berhubung pemindahan kedutaan Amerika Syarikat di Israel dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis turut berpotensi untuk menyumbang kepada krisis antara dua rakan serantau tersebut.

Status hubungan dua hala antara Turki dan Israel di masa akan datang merupakan suatu yang sukar untuk dijangka. Prinsip asas hubungan luar Ankara tidak menghalang ia untuk membina hubungan dengan Tel Aviv meskipun pada masa yang sama, rekod telah memperlihatkan hubungan tersebut sering dipengaruhi oleh pihak ketiga. Tel Aviv juga masih memerlukan Ankara sebagai rakan strategik di kalangan negara umat Islam yang sederhana bagi mengimbangi negara-negara Arab lain yang berpotensi mengancam kedudukannya. Apa yang pasti, hubungan dua hala antara Turki dan Israel akan terus menyaksikan pasang surut berseiringan dengan perkembangan-perkembangan di masa akan datang

Rujukan

- Akgün, M., Gündoğar, S. S., & Gorgülü, A. (2014). *Politics in Troubled Times: Israel-Turkey Relations*. Turkish Economic and Social Studies Foundation.
- Arbell, D. (2017). *Tensions Over Jerusalem Expose Vulnerability Of Turkey-Israel Relations, One Year After Normalizing Ties*. Diakses pada 30 Mei 2018 daripada <https://www.brookings.edu/blog/markaz/2017/07/31/tensions-over-jerusalem-expose-vulnerability-of-turkey-israel-relations-one-year-after-normalizing-ties/>.
- Astro Awani. (28 Disember 2013). *Kezaliman Israel: 5 Tahun Selepas 'Cast Lead.'* Diakses pada 25 Mei 2018, daripada <http://www.astroawani.com/berita-dunia/kezaliman-israel-5-tahun-selepas-cast-lead-27561>.
- Bacik, G. (2009). Turkish-Israeli Relations after Davos: A View from Turkey. *Insight Turkey*, 11(2), 31-41.
- BBC News. (1 April 2018). Gaza-Israel violence: Netanyahu and Erdogan in war of words. Diakses pada 30 Mei 2018, daripada <http://www.bbc.com/news/world-middle-east-43611859>.
- Benjamin, D. (2016). Turkey's Support for Hamas: A Bridge Too Far? *Journal of the Centre for the Study of Law & Public Policy at Oxford*, 1-36.
- Bir, Ç. & Sherman, M. (2002). Formula for Stability: Turkey Plus Israel. *Middle East Quarterly*, 9, 23-32.
- Cagaptay, S. (2006). *Hamas Visits Ankara: The AKP Shifts Turkey's Role in the Middle East*. Diakses pada 27 Mei 2018, daripada <http://www.washingtoninstitute.org/policy-analysis/view/hamas-visits-ankara-the-akp-shifts-turkeys-role-in-the-middle-east>.

- Coben, M. S. & Freilich, C. D. (2014). Breakdown and Possible Restart: Turkish-Israeli Relations under the AKP. *Israel Journal of Foreign Affairs*, VIII (1), 1-17.
- Davutoğlu, A. (2008). Turkey's Foreign Policy Vision: An Assessment of 2007. *Insight Turkey*, 10(1), 77-96.
- Davutoğlu, A. (2012). Principles of Turkish Foreign Policy and Regional Political Structuring. *Centre for Strategic Research*, 3.
- Eligür, B. (2012). Crisis in Turkish-Israeli Relations (December 2008-June 2011): From Partnership to Enmity. *Middle Eastern Studies*, 48(3), 429-459.
- Eran, O. (2011). Turkey and Israel: The Wrong Crisis at the Wrong Time. *Israel Journal of Foreign Affairs*, 5(3), 9-11.
- Friedman, M. & Fraser, S. (2011). *Turkey expels Israeli ambassador, cuts ties with military over Gaza flotilla raid*. Diakses pada 28 Mei 2018, daripada <https://globalnews.ca/news/150567/turkey-expels-israeli-ambassador-cuts-ties-with-military-over-gaza-flotilla-raid/>.
- Henderson, S. & Cagaptay, S. (2005). *Engaging Israel: The Significance of the Istanbul Meeting between Israel and Pakistan*. Diakses pada 25 Mei 2018, daripada <http://www.washingtoninstitute.org/policy-analysis/view/engaging-israel-the-significance-of-the-istanbul-meeting-between-israel-and>.
- Inbar, E. (2005). The Resilience of Israeli-Turkish Relations. *Israel Affairs*, 11(4), 591-607.
- Israel Ministry of Foreign Affairs. (2008). *Statement by PM Olmert regarding negotiations with Syria*. Diakses pada 25 Mei 2018, daripada <http://www.mfa.gov.il/MFA/PressRoom/2008/Pages/Statement%20by%20PM%20Olmert%20regarding%20negotiations%20with%20Syria%2021-May-2008.aspx>.
- Israel National News. (23 Disember 2013). *Turkey 'has Replaced Iran as Hamas's Sponsor'*. Diakses pada 28 Mei 2018, daripada <https://www.israelnationalnews.com/News/News.aspx/175441>.
- Kirişçi, K. (2018). *Turkey and the West: Fault Lines in a Troubled Alliance*. Washington: Brookings Institution Press.
- Kosebalaban, H. (2010). The Crisis on Turkish-Israeli Relations: What is its Strategic Significance? *Middle East Policy*, XVII(3), 36-50.
- Lochery, N. (1998). Israel and Turkey: Deepening Ties and Strategic Implications, 1995-98. *Israel Affairs*, 5(1), 45-62.
- McGreal, C. (2004). *Turkish PM accuses Israel of practising state terrorism*. Diakses pada 16 Mei 2018, daripada <https://www.theguardian.com/world/2004/jun/04/turkey.israel>.
- Myre, G. (2005). *Turkish Leader Visits Israel, Restoring Friendly Ties*. Diakses pada 25 Mei 2018, daripada <https://www.nytimes.com/2005/05/02/world/middleeast/turkish-leader-visits-israel-restoring-friendly-ties.html>.
- Nachmani, A. (1987). *Israel, Turkey and Greece: Uneasy Relations in the East Mediterranean*. London: Frank Class.
- Pipes, D. (1997). A New Axis: The Emerging Turkish-Israeli Entente. *The National Interest*, 50, 31-38.
- Ravid, B. (2015). *Five Years After Gaza Flotilla Raid, Israel and Turkey Reach Understandings on Ending Crisis*. Diakses pada 30 Mei 2018, daripada <https://www.haaretz.com/israel-news/israel-and-turkey-inch-closer-to-ending-crisis-1.5378744>.

- Reuters. (28 Jun 2016). *Turkey, Israel sign deal to normalize ties after six years*. Diakses pada 29 Mei 2018, daripada <https://www.reuters.com/article/us-turkey-israel/turkey-israel-sign-deal-to-normalize-ties-after-six-years-idUSKCN0ZE0P5>.
- Ruzanah Mohd Rozi & Mohd Roslan Mohd Nor. (2016). Kesan Misi Bantuan Kemanusiaan Freedom Flotilla ke Gaza. *International Journal of West Asian Studies*, 8(1), 7-17.
- Sahar, H. (2005). *Anatolian Eagle Air Warfare Training: A Valuable Turkish Contribution to NATO, the United States, and the World*. Diakses pada 25 Mei 2018, daripada <http://www.washingtoninstitute.org/policy-analysis/view/anatolian-eagle-air-warfare-training-a-valuable-turkish-contribution-to-nat>.
- Sambur, B. (2009). The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan. *European Journal of Economic and Political Studies*, 2(2), 117-127.
- Sayari, S. (2010). Political Violence and Terrorism in Turkey, 1976-80: A Retrospective Analysis. *Terrorism and Political Violence*, 22(2), 198-215.
- Secretariat General for EU Affairs. (2007). *Political Reforms in Turkey*. Ankara: Ministry of Foreign Affairs.
- Sekulow, J. A. (2016). Turkey-Israel Relations. *Journal of the Centre for the Study of Law & Public Policy at Oxford*, 1-28.
- Sözen, A. (2006). Terrorism and the Politics of Anti-Terrorism in Turkey. Dalam Robert W. Ortung & Andrey Makarychev (ed.), *National Counter-Terrorism Strategies: Legal, Institutional, and Public Policy Dimensions in the US, UK, France, Turkey and Russia*, 131-144. Amsterdam: IOS Press.
- Tavernise, S. (2010). *Raid Jeopardizes Turkey Relations*. Diakses pada 28 Mei 2018, daripada <https://www.nytimes.com/2010/06/01/world/middleeast/01turkey.html>.
- The Guardian. (30 Januari 2009). *Recep Erdogan storms out of Davos after clash with Israeli president over Gaza*. Diakses pada 27 Mei 2018, daripada <https://www.theguardian.com/world/2009/jan/30/turkish-prime-minister-gaza-davos>.
- Tür, Ö. (2012). Turkey and Israel in the 2000s-From Cooperation to Conflict. *Israel Studies*, 17(3), 45-66.
- Ulutaş, U. (2010). Turkey-Israel: A Fluctuating Alliance. *SETA Policy Brief*, 42.
- Uzer, U. (2013). Turkish-Israeli Relations: Their Rise and Fall. *Middle East Policy*, XX(1), 97-110.
- Walker, J. (2006). Turkey and Israel's Relationship in the Middle East. *Mediterranean Quarterly*, 17(4), 60-90.
- Warning, M. & Kardaş, T. (2011). The Impact of Changing Islamic Identity on Turkey's New Foreign Policy. *Alternative: Turkish Journal of International Relations*, 10(2&3), 123-140.